

BENOSONE OINTMENT

Betamethasone Valerate (0.12% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BENOSONE OINTMENT
2. Bagaimana BENOSONE OINTMENT berfungsi
3. Sebelum menggunakan BENOSONE OINTMENT
4. Cara menggunakan BENOSONE OINTMENT
5. Semasa menggunakan BENOSONE OINTMENT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BENOSONE OINTMENT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang BENOSONE OINTMENT. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan BENOSONE OINTMENT berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan BENOSONE OINTMENT

BENOSONE OINTMENT digunakan untuk melegakan manifestasi radang dalam masalah kulit yang responsif terhadap ubat kortikosteroid contohnya ekzema, dermatitis, radang salur telinga, psoriasis dan gatal-gatal pada dubur atau kawasan kemaluan.

Bagaimana BENOSONE OINTMENT berfungsi

BENOSONE OINTMENT mengandungi ubat yang dipanggil Betamethasone Valerate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil steroid. Ia mempunyai tindakan anti-radang, anti-gatal dan pengecutan salur darah.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Sebelum menggunakan BENOSONE OINTMENT

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan BENOSONE OINTMENT sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap Betamethasone atau kepada mana-mana bahan kandungan ubat ini.
- Bayi di bawah umur satu tahun.
- Jangkitan pada tempat rawatan.
- Anda mengalami penipisan kulit.
- Anda mengalami benjolan merah di sekitar mulut.
- Anda berjerawat atau mengalami muka kemerahan.
- Anda mengalami jangkitan virus pada kulit (misalnya kudis herpes, cacar air), batuk kering (jangkitan bakteria) kulit, jerawat dan keadaan berulser.

-Sebelum mula menggunakan

Kehamilan dan penyusuan badan:
Steroid topikal tidak seharusnya digunakan secara meluas semasa kehamilan, iaitu dalam jumlah yang besar atau untuk jangka masa panjang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain

(misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan BENOSONE OINTMENT

Selalu menggunakan BENOSONE OINTMENT seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan nipis BENOSONE OINTMENT pada bahagian kulit yang terjejas.

-Bila perlu digunakan

Sapukan pada kawasan yang terjejas setelah ia kering dan bersih.

Dewasa: Sapukan 1-3 kali sehari.

Kanak-kanak: Sapukan sekali sehari atau sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Bila kawasan rawatan adalah meluas, penyerapan sistemik yang mencukupi mungkin berlaku untuk menghasilkan ciri-ciri *hypercortism* (hormon cortisol tinggi). Kesan ini lebih berkemungkinan terhasil jika pembalut tertutup digunakan, atau jika rawatan berpanjangan.

Bagi kanak-kanak, terapi topikal jangka panjang perlu dielakkan di mana kemungkinan seperti penekanan adrenal boleh berlaku walaupun tanpa balutan.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan salap anda pada masa yang tepat, gunakan ia sebaik sahaja anda ingat, kemudian guna seperti biasa.

-Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos secara mendadak besar kemungkinan tidak berlaku, bagaimanapun dalam kes penggunaan yang terlampau berlebihan atau salahguna, ciri-ciri *hypercorticism* boleh terhasil dan dalam situasi ini steroid topikal harus dihentikan.

Semasa menggunakan BENOSONE OINTMENT

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan BENOSONE OINTMENT.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan di dalam atau di sekitar mata.

Tidak harus digunakan pada bahagian muka.

Rawatan psoriasis boleh mneggalakkan pembentukan nanah.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, BENOSONE OINTMENT boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Persediaan-persediaan Betamethasone Valerate biasanya boleh diterima, tetapi jika tanda hipersensitif kelihatan, sapuan seharusnya dihentikan segera. Gejala *hypercortism* berikut boleh berlaku lebih kerap dengan balutan tertutup, kulit menjadi lembut dan

lemah, jangkitan sekunder, penipisan kulit, tanda regangan dan ruam panas.

Antara laporan kesan sampingan ialah rasa pedih, kerengsaan, kekeringan, keradangan folikel rambut, pertumbuhan rambut berlebihan, jerawat dan pencerahan warna kulit.

Kesan sistemik juga boleh terjadi seperti peningkatan paras glukosa dalam darah, kehadiran gula dalam air kencing dan penekanan kelenjar adrenal.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan BENOSONE OINTMENT

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan dingin serta terlindung daripada cahaya yang kuat. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

BENOSONE OINTMENT adalah salap yang berwarna putih. Ia boleh didapati dalam tiub aluminium yang bersaiz 15g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:
Betamethasone Valerate 0.12 % w/w (bersamaan 0.1% w/w Betamethasone)

-Bahan-bahan tidak aktif:
Liquid Paraffin dan White Soft Paraffin.

-Nombor MAL:
MAL20014529AZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

24/12/2020

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)050220/00022